

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN SALAHUDDIN BIN AYUB (PULAI)

TARIKH : 30 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB (PULAI) minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Ops NAGA masih diteruskan bagi menyelamatkan hasil negara dan membela nasib nelayan terutama dalam mendepani krisis Covid-19.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga kini, Ops NAGA masih diteruskan walaupun ketika pandemik COVID-19 melanda, di mana sebahagian kekuatan aset dan anggota turut difokuskan kepada Op Benteng. Sungguhpun demikian, Op NAGA tetap berjalan dengan optimum bagi mengekang pencerobohan Bot Nelayan Asing (BNA) dan menyelamatkan hasil negara serta membela nasib nelayan tempatan.

Sepanjang tempoh operasi ini dilaksanakan sehingga 30 September 2020, sebanyak 12,582 pemeriksaan dibuat dan 338 tangkapan berjaya dilakukan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 164 kes melibatkan Bot Nelayan Asing (BNA) dari Vietnam. Melalui operasi ini kerajaan berjaya memperoleh sebanyak RM364,993,800.00 hasil daripada nilai rampasan bot dan denda yang dikenakan kepada pemilik BNA yang melakukan kesalahan.